

**NO. SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH : 16 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9641**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan penjelasan kepada laporan media pada 2015 yang mendedahkan satu laporan Cawangan Khas yang menyatakan bahawa 80% penguatkuasa sempadan terlibat dalam rasuah.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan perhatian serius serta menjalankan siasatan dalaman melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk menentukan kesahihan dakwaan yang menyatakan bahawa 80 peratus pegawai-pegawai penguatkuasa yang bertugas di kawasan sempadan terlibat dengan rasuah walaupun disahkan terlebih awal TIADA kenyataan sedemikian dikeluarkan oleh Pengarah Cawangan Khas PDRM seperti yang disiarkan dalam akhbar dan media sosial.**